



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK JOHARI BIN YUNOS,

BEKAS SPECIAL CONSTABLE (SC)

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM SERANGAN

KOMUNIS DI LABIS

NURFATEHA BALQIS BINTI BASRI

2018208084

SHARIZATUL AMIRA BINTI SHARUDIN

2018437854

SEMESTER SEPTEMBER 2019 – JANUARI 2020

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	Muka Surat
	Abstrak	i
	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5 - 7
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	8
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	9
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Topik 1	10
	4.2 Topik 2	11
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	12 - 39
6.0	Log Temubual	40 - 47
7.0	Ralat	48
8.0	Glosari	49
9.0	Indeks	50 - 53
10.0	Bibliografi	54
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	55 - 56
	11.2 Surat Perjanjian	57
	11.3 Senarai Soalan	58 -62

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan bekas SC yang pernah bekerja sebagai Special Constable pada zaman darurat iaitu Encik Johari Bin Yunos. Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi muda tidak lagi mengendahkan pejuang-pejuang lama atau terdahulu yang telah berkorban dan berjuang untuk mencapai kemerdekaan Beliau menceritakan pengalaman beliau semasa menjadi SC pada zaman darurat di Labis, Johor. Walaupun beliau sudah berusia, beliau masih tidak dapat melupakan peristiwa yang berlaku. Beliau juga berkata, generasi muda pada hari ini tidak pernah merasai penderitaan hidup pada zaman itu dan mungkin tidak dapat membayangkan bagaimana peristiwa yang berlaku pada zaman darurat. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang atau pejuang yang tidak didendang, projek sejarah lisan ini juga menyentuh sedikit sebanyak mengenai kisah pahit dan manis beliau sepanjang berkhidmat. Kajian ini bukan sahaja melalui Encik Johari sendiri, malah ianya juga turut diperolehi dari sumber lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang telah dilakukan. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga diharap agar masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang sejarah ini.

Kata Kunci:

Bekas SC, Special Constable, Zaman darurat, Johari Bin Yunos, Labis,

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, bersyukur kami kehadiran Illahi atas limpah dan kurnianya kami dapat menyelesaikan projek sejarah lisan ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga ingin kami ucapkan kepada Encik Johari Bin Yunos, kerana sudi untuk menjadi responden bagi projek sejarah lisan ini. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin selaku pensyarah bagi subjek Dokumentasi Lisan (IMR 604) kerana tunjuk ajar dan bimbingan daripada beliau kami, Nurfateha Balqis Binti Basri dan Sharizatul Amira Binti Sharudin dapat menghasilkan sebuah transkrip temubual dengan jayanya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan kelas atas sokongan dan pandangan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses pembikinan transkrip ini selesai. Akhir sekali, ucapan kepada kedua ibu dan bapa kami dan semua ahli keluarga kami atas sokongan dan memahami keadaan yang kami tempuh ketika itu. Diharap agar hasil transkrip ini dapat memberi sedikit sebanyak maklumat yang berguna kepada pembaca dan juga dapat memberi manfaat kepada setiap individu di masa hadapan. InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
ATOM	Anti Terrorist Oh-Malaya
DAP	Democratic Action Party
KP	Key point
MCA	Malaysian Chinese Association
MPAJA	Malayan People's Anti Japanese Army
OC	Office Commander
OCPD	Officer in-Charge Police District
PAP	People's Action Party
SC	Special Constable
TV	Television
UMNO	United Malays National Organisation